



GARIS PANDUAN BERHUBUNG LAYANAN CUKAI BAGI ENTITI LABUAN YANG BERSTATUS DORMAN

1. OBJEKTIF

Objektif garis panduan ini adalah untuk memberi penjelasan berhubung layanan cukai bagi entiti Labuan yang berstatus dormant di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [Akta 445] seperti yang telah ditetapkan melalui Labuan Investment Committee (LIC) Pronouncement 1-2019 dan 2-2019 masing-masing bertarikh 19.06.2019 dan 11.12.2019.

2. TARIKH BERKUAT KUASA

Garis panduan ini hendaklah dianggap berkuat kuasa bermula tahun taksiran 2020 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

3. ENTITI LABUAN BERSTATUS DORMAN

3.1. Entiti Labuan dikategorikan sebagai dormant jika:

- a. tidak pernah beroperasi sejak tarikh penubuhannya;
- b. pernah beroperasi atau menjalankan perniagaan tetapi telah berhenti operasi atau menjalankan perniagaan; atau
- c. tidak mempunyai sebarang transaksi akaun yang signifikan dalam satu tahun kewangan sebelum berlakunya perubahan sebahagian besar dalam pemegangan ekuitinya (50% atau lebih). Ini bermakna tidak ada daftar masuk dalam akaun syarikat selain daripada perbelanjaan minimum untuk memenuhi keperluan perundangan yang telah ditetapkan. Perbelanjaan minimum yang dimaksudkan adalah seperti berikut:
 - (i) memfail penyata tahunan (*annual return*) yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 kepada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA);
 - (ii) fi setiausaha atas perkhidmatan pemfailan penyata tahunan seperti subperenggan (i);

- (iii) kos pengisian borang nyata cukai pendapatan dan pengiraan cukai pendapatan (*tax filing fee*);
- (iv) fi audit statutori (*audit fee*); dan
- (v) fi penyediaan akaun (*accounting fee*).

Contoh 1:

NAT (Labuan) Ltd. ditubuhkan pada 01.03.2020. Walau bagaimanapun, NAT (Labuan) Ltd. masih belum beroperasi sepenuhnya dan hanya mengeluarkan perbelanjaan bagi memfailkan penyata tahunan sahaja sebanyak RM500 setiap tahun. NAT (Labuan) Ltd. tidak mengeluarkan apa-apa perbelanjaan selain daripada perbelanjaan pemfailan penyata tahunan tersebut. Oleh itu, NAT (Labuan) Ltd. adalah entiti Labuan dormant bagi maksud Akta 445.

- 3.2. Entiti Labuan TIDAK dianggap sebagai dormant sekiranya ia memiliki saham, harta tanah, simpanan tetap dan lain-lain pelaburan yang seumpamanya; termasuk pendapatan seperti sewa, faedah dan sebagainya (jika ada) daripada pemilikan tersebut.

Contoh 2:

HCT (Labuan) Ltd. (akaun berakhir pada 31 Disember) adalah syarikat pemegang pelaburan yang telah diperbadankan pada 25.01.2005 di bawah Akta Syarikat Labuan 1990. Anak syarikat tunggal HCT (Labuan) Ltd., YMH Co. Ltd. telah menyelesaikan pembubarannya pada November 2020. HCT (Labuan) Ltd. merancang untuk memulakan pembubaran pada suku kedua tahun 2021. HCT (Labuan) Ltd. tidak dianggap sebagai dormant pada tahun taksiran (TT) 2021 kerana ia masih memegang saham dalam YMH Co. Ltd. sehingga syarikat tersebut menyelesaikan pembubarannya pada November 2020.

4. SYARAT SUBSTANTIF

Entiti Labuan yang dormant atau dipotong daripada daftar, termasuk yang di bawah prosiding penggulungan atau dalam proses pembubaran, yang tidak memperoleh sebarang sumber pendapatan tidak perlu mematuhi syarat substantif. Walau bagaimanapun, sekiranya entiti Labuan tersebut beroperasi semula, syarat substantif yang telah ditetapkan hendaklah dipatuhi sehingga tarikh akhir tempoh perakaunan.

Contoh 3:

Tvios (Labuan) Ltd. telah ditubuhkan pada 01.03.2021 dan menjalankan aktiviti perniagaan sebagai syarikat pajakan. Tempoh perakaunan bagi syarikat adalah 01.03.2021 – 28.02.2022. Tvios (Labuan) Ltd. tidak menjalankan sebarang aktiviti perniagaan sehingga 01.09.2021. Pada akhir tempoh perakaunan, keuntungan bersih seperti dalam akaun beraudit adalah sebanyak RM300,000.

Berdasarkan fakta, Tvios (Labuan) Ltd. dianggap sebagai syarikat dormant bagi tempoh 01.03.2021 sehingga 31.08.2021. Oleh kerana operasi perniagaan bermula pada 01.09.2021, ia hendaklah mematuhi syarat bilangan pekerja sepenuh masa yang mencukupi di Labuan mulai 01.09.2021. Manakala syarat amaun perbelanjaan operasi tahunan entiti Labuan yang mencukupi hendaklah dipatuhi sebelum atau selewat-lewatnya pada 28.02.2022.

5. TANGGUNGJAWAB ENTITI LABUAN BERSTATUS DORMAN

Tanggungjawab entiti Labuan dormant di bawah Akta 445 adalah seperti berikut:

Entiti Labuan	Dokumen Perlu Dikemukakan
Dorman / dalam proses penggulangan	▪ Borang LE1 ▪ Akaun beraudit (jika ada) / akaun pengurusan

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tarikh: 20 Oktober 2022

S.k: LHDN.01/35/(S)/42/51/360